



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

AIR SUNGAI KLANG BERTUKAR WARNA

28 OGOS 2017

-
1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Alam Sekitar telah menerima aduan daripada orang awam pada 25 Ogos 2017 berhubung kejadian perubahan warna air di Sungai Klang yang bertukar kemerah-merahan di beberapa lokasi Sungai Klang.
 2. Saya telah mengarahkan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) supaya mengambil tindakan segera bagi mengenal pasti punca pencemaran air sungai Klang dan menyediakan laporan terperinci hasil daripada siasatan tersebut.
 3. Bertindak di atas maklumat yang diterima, sepasukan pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) WPKL, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS), Pengurusan Lembangan

Sungai Klang (PLSK) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melakukan siasatan di lokasi berkenaan pada 25 Ogos 2017 bermula di Sungai Klang berhampiran Jalan Ampang, seterusnya di sekitar Kampung Baru sehingga ke LRT Masjid Jamek. Kemudian, siasatan diteruskan ke Jalan Yap Kwan Seng iaitu di belakang Menara PTPTN dimana lokasi aduan kejadian perubahan warna Sungai Klang dikesan. Air bewarna kemerah-merahan itu dikesan bermula dari longkang awam berhampiran Menara PTPTN di Jalan Yap Kwan Seng yang menyusuri Sungai Klang.

4. Persampelan telah dijalankan di dua (2) lokasi iaitu di longkang awam di belakang Menara PTPTN dimana pelepasan buangan memasuki Sungai Klang dan berhampiran Jambatan Jalan Sultan Ismail bersebelahan Kampung Baru. Persampelan telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk di analisa dan sedang menunggu keputusan analisa persampelan tersebut.
5. Berdasarkan siasatan tersebut mendapati terdapat kerja-kerja pembinaan berhampiran lokasi tersebut melibatkan penanaman cerucuk dengan kedalaman 40 meter. Empat (4) lokasi tapak kerja-kerja pembinaan yang dikenal pasti terletak di Jalan Yap Kwan Seng, dua

lokasi berbeza di Jalan Ampang, Persiaran KLCC dan Lorong Kuda. Walaubagaimanapun, punca sebenar kejadian ini belum dapat dikenalpasti kerana struktur saluran perparitan tersebut berada di bawah permukaan jalan.

6. Siasatan turut dilakukan terhadap kerja-kerja pembinaan yang tertakluk di bawah bidang kuasa JAS dan didapati adalah patuh. Namun, jabatan telah mengarahkan pemberhentian kerja (*Stop Work Order*) dan memanggil pihak yang terlibat untuk siasatan lanjut.
7. Kementerian menggesa Pihak Berkuasa Tempatan melakukan pengawasan lebih ketat dalam mengawasi kerja-kerja pembinaan bagi memastikan kepatuhan syarat kualiti alam sekitar yang ditetapkan oleh JAS.
8. JAS akan terus memantau kualiti air Sungai Klang dan bekerjasama dengan pihak DBKL dan JPS WPKL bagi mengenal pasti punca perubahan warna air yang berlaku di Sungai Klang.

WISMA SUMBER ASLI

28 OGOS 2017

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : -

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Bin Che Ibrahim

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Email: aki@doe.gov.my

No Tel: 03- 8871 2046

Saipol Anwar Bin Mohd Raji

Pegawai Perhubungan Awam

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Email : saipolanwar@water.gov.my

No. Tel : 03-2698 5310

Noor Fadilah Binti Ibrahim

Pegawai Komunikasi Strategik

Unit Komunikasi Korporat

Email : fadilah@nre.gov.my

No. Tel : 03 -8886 1081

LAMPIRAN 1





